

Newspaper

Utusan Malaysia

Date

9 January 2016

Bajet 2016 bakal diubahsuai dalam waktu terdekat - PM

# 'Tahun yang mencabar'

Um - 9/1/2016

Oleh KAMIL MASLIH

pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 8 JAN.

**P**ENGUBAHSUAIAN Bajet 2016 akan dibentangkan dalam waktu terdekat bagi membolehkan negara berdepan cabaran getir ekonomi global masa kini dengan berpaksikan kepada realiti semasa, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurut Perdana Menteri, 2016 adalah tahun yang amat mencabar ekoran harga minyak mentah dunia jatuh menjunam semalam sehingga AS\$31.58 setong (RM138.10) sedangkan Bajet 2016 dirangka dengan unjuran harga minyak mentah dunia AS\$48 setong (RM209.91).

"Bila saya bentangkan Bajet 2016, penyusutan pendapatan kerajaan dianggarkan kira-kira RM30 bilion, tetapi kalau harga minyak kekal pada paras AS\$32, AS\$35 atau AS\$36 setong bererti penyusutannya lebih daripada RM30 bilion.

"Ini kerana bagi setiap AS\$1 jatuh dari paras yang sebelumnya, bererti kita berkurangan RM300 juta dari segi hasil kerajaan," katanya ketika berucap dalam Majlis Perhimpunan Khas Kementerian Kewangan di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah; Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah.

Berdasarkan panduan harga minyak Brent yang menjadi rujukan pasaran Eropah dan Asia, harga minyak mentah dunia semalam jatuh menjunam sehingga AS\$31.58 setong (RM138.10) berbanding harga puratanya AS\$98.94 (RM432.67) pada 2014.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, faktor-faktor luaran lain yang turut memberi kesan kepada ekonomi Malaysia termasuk kelembapan ekonomi China, pengukuhan nilai dolar Amerika Syari-



**NAJIB TUN RAZAK** tiba ke Majlis Perhimpunan Khas Kementerian Kewangan di Bangunan Perbendaharaan Malaysia, Putrajaya, semalam. Beliau disambut oleh Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah (kanan) dan Chua Tee Yong (kiri). Turut hadir Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah. - BERNAMA

kat (AS), kenaikan kadar faedah Rizab Persekutuan AS, permintaan perdagangan dunia yang masih lemah dan penurunan harga beberapa komoditi secara berterusan.

"Saya tidak mahu mengulagalkan rakyat Malaysia dengan menggambarkan situasi yang tidak berpaksikan realiti sebenar. Lebih baik kita secara berterus-terang dan jujur memberitahu bahawa tahun ini adalah tahun yang amat mencabar.

"Namun, sebagai sebuah kerajaan dan Kementerian Kewangan, kita akan berusaha dengan gigih, dengan penuh komitmen supaya kita dapat terus membela untung nasib rakyat, menjamin ekonomi dapat terus tumbuh dengan baik dan seterusnya dapat melaksanakan pelbagai program pembangu-

nan," katanya.

Jelas beliau, penyusunan semula Bajet 2016 perlu dilakukan supaya setiap perbelanjaan kerajaan dapat diuruskan dengan cekap berdasarkan keutamaan bagi memastikan keadaan ekonomi negara kekal mapan di samping keperluan rakyat dapat diberi perhatian.

"Dalam pembentangan yang akan datang ini, saya akan huraikan langkah-langkah tambahan untuk kita ambil dan perlu lakukan, penegehan-penegehan baharu untuk kita mengoptimalkan perbelanjaan, peranan-peranan GLC (syarikat milik kerajaan) dan bagaimana kesudahan matlamat keutamaannya adalah kesejahteraan rakyat mesti terus diperjuangkan," katanya.

Beliau memberitahu, kerajaan

tetap mengekalkan sasaran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) antara empat hingga lima peratus, manakala inflasi dijangka kekal rendah dalam lingkungan dua hingga tiga peratus.

"Kerajaan kekal komited untuk mengurangkan defisit fiskal kepada 3.1 peratus daripada KDNK pada 2016 manakala tahap hutang kerajaan Persekutuan dijangka kekal terkawal dalam had yang berhemat 55 peratus daripada KDNK," katanya.

Dalam pada itu Najib memberitahu, dari aspek makro, Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) merupakan penyelamat kepada keadaan kewangan kerajaan dan ekonomi negara kerana dapat mengurangkan kebergantungan kerajaan kepada hasil cukai minyak.